

# Dr. Ling: Tiada pertandingan bukan hapus demokrasi

25 APR 2002

PUTRAJAYA 24 April — Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, keputusan Jawatankuasa Pusat (CC) untuk tidak mengadakan pertandingan di semua peringkat sehingga 2005 bukan bertujuan menghapuskan sistem demokrasi dalam parti tersebut.

Sebaliknya, tegas beliau, keputusan itu bertujuan menyokong pelan damai yang diasaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu melihat MCA bersatu padu.

Sehubungan itu, beliau meminta setiap ahli MCA terutama di peringkat bahagian dan negeri supaya tidak terkeliru dengan keputusan yang dibuat oleh CC semalam.

“Langkah itu bukan untuk menghentikan proses demokrasi tetapi membawa semula kedamaian dan kestabilan dalam parti,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat kabinet di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan CC MCA semalam yang menyokong sebulat suara pelan damai yang diasaskan oleh Dr. Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) dengan mengekalkan status quo pemimpin parti itu di semua peringkat sehingga tahun 2005.

Ini bermakna tidak akan ada pertandingan sama ada di peringkat bahagian, negeri dan pusat untuk tempoh tiga tahun bermula tahun ini.

## Kesan

Keputusan tersebut sekali gus menamatkan kemelut berpanjangan yang melanda parti komponen yang kedua terbesar dalam BN itu yang boleh memberi kesan kepada pilihan raya umum nanti.

Mengulas lanjut, Liong Sik memberitahu, pihaknya menyedari terdapat di kalangan ahli parti yang kurang berpuas hati dengan keputusan CC itu.

Malah, menurutnya, ada yang berpanjangan bahawa keputusan CC itu membunuh proses demokrasi dalam parti tersebut.

“Ada yang marah dan keliru dengan keputusan yang dibuat oleh CC yang tidak pernah dibuat sebelum ini.

“Saya percaya 70 hingga 80 peratus ahli MCA masih dalam keadaan sedemikian selepas keputusan itu dibuat,” jelasnya.

Justeru, Liong Sik meminta setiap ahli memahami matlamat utama keputusan CC itu yang sejajar dengan hasrat Perdana Menteri yang mahu melihat perpaduan dalam MCA.

Dr. Mahathir, katanya, mahu setiap pemimpin MCA kembali menjalinkan persahabatan sebagaimana sebelum berlakunya krisis dalaman parti itu.

Menyentuh usaha-usaha perdamaian yang akan diambil oleh MCA, beliau menjelaskan, setiap pihak dalam parti termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita telah mengambil inisiatif masing-masing dalam mencari jalan penyelesaian.

“Ketua Wanita akan menyelesaikan masalah dalaman sayap itu manakala Jawatankuasa Veteran akan bermesyuarat dengan Pemuda bagi menyelesaikan masalah mereka,” katanya.

Beliau akan mendapatkan laporan secepat mungkin daripada semua peringkat selepas Pemuda dan Wanita mengadakan mesyuarat masing-masing.